

UniSZA anjur Karnival Pengajian Tinggi Negara

KUALA TERENGGANU 3 Feb.
- Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dipilih sebagai tuan rumah Karnival Pengajian Tinggi Negara 2016, Jom Masuk IPT kali Ke-12 untuk Zon 2 di Dataran Dewan Al-Muktafibilah Shah, Kampus Gong Badak di sini.

Program selama dua hari pada 13 dan 14 Februari anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi itu bertujuan memberi peluang kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mencari universiti yang sesuai dengan kelulusan mereka.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof. Dr. Mahadzirah Mohammad berkata, se-

banyak 140 gerai pameran ditampilkan dalam karnival itu dengan penglibatan universiti awam dan swasta, politeknik serta kolej komuniti dari seluruh negara di samping agensi-agensi kerajaan dan swasta.

“Sesi jelajah ini secara tidak langsung dapat memberi pendedahan kepada bakal pelajar tentang program-program pengajian yang ditawarkan di IPT bagi sesi akademik 2016/2017.

“Dalam masa sama, kita berpeluang menyebarkan maklumat perancangan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pengajian Tinggi kepada semua pihak,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

UTUSAN MALAYSIA 04/02/2016